



AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)
UITM CAWANGAN PULAU PINANG (UITM CPP)

E-BULETIN ACIS UITM CPP

LAPORAN | AKADEMIK | AKTIVITI | WAKAF ILMU

Edisi E-Buletin 2024 ACIS UiTM CPP kali ini memfokuskan kepada empat tema utama iaitu pencapaian kualiti yang telah dicapai, aktiviti kolaboratif akademik bersama pihak luar UiTM CPP, aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2023 dan penulisan wakaf ilmu daripada kalangan asatizah ACIS UiTM CPP.

**EDISI
2024**

BICARA KOORDINATOR PRASISWAZAH



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, syukur kita panjatkan ke hadirat Illahi atas segala nikmat dan rahmat-Nya yang tidak terhingga. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat baginda.

Alhamdulillah, dengan penuh rasa syukur, saya mengalu-alukan para pembaca yang budiman ke Buletin ACIS Edisi 2024. Buletin ini hadir sebagai wadah ilmiah yang menghubungkan antara tradisi keilmuan Islam dan realiti kontemporari, menetengahkan keserjanaan Islam dalam masyarakat.

Kesarjanaan Islam kontemporari bukan sekadar tentang kajian teks-teks klasik, tetapi juga melibatkan penerapan prinsip-prinsip Islam dalam konteks moden. Ia menuntut kefahaman mendalam terhadap warisan intelektual Islam, serta kemampuan untuk menginterpretasi dan mengaplikasikannya dalam menangani isu-isu semasa. Kesarjanaan yang benar-benar bermakna adalah yang mampu menterjemahkan ilmu menjadi tindakan yang memberi manfaat kepada masyarakat. Ia menuntut para sarjana untuk keluar dari menara gading dan terlibat secara aktif dalam menangani cabaran-cabaran semasa, baik di peringkat komuniti, nasional mahupun global.

Melalui buletin ini, kami berharap dapat menyumbang kepada pembangunan modal insan yang berilmu, berintegriti, dan peka terhadap realiti sosial. Kami menyasarkan untuk menjadikan wacana akademik lebih mudah diakses dan difahami oleh masyarakat umum, serta menunjukkan bagaimana prinsip-prinsip Islam dapat diterapkan dalam pelbagai aspek kehidupan moden.

Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada penerbitan buletin ini. Semoga Allah SWT memberkati usaha kita dan menjadikan buletin ini sebagai saluran ilmu yang bermanfaat untuk semua.

Sekian, terima kasih.

Hisyam bin Mohd Radzi
Koordinator Prasiswazah
Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS)
UiTM Cawangan Pulau Pinang



اِنْبُوْا سَبِيْلِيْ تَكُوْنُوْا لِيْ مِنْ اُمَّةٍ
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Islam
Kontemporari

PENERBIT

Unit Penerbitan

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)
CAWANGAN PULAU PINANG
KAMPUS PERMATANG PAUH
13500 PERMATANG PAUH
PULAU PINANG**



<https://penang.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder?view=page&id=95>



<https://www.facebook.com/acisuitmpenang?mibextid=LQQJ4d>



shahirah4572@uitm.edu.my / najwaalyaa@uitm.edu.my (eds)



+6 (04) 382 2888

eISSN 3030-6655



9 773030 665006

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang terlebih dahulu.

**E-Buletin ini diterbitkan secara tahunan